

# DBP, UiTM anjur debat 100 jam tanpa henti

BA 12/12/06

Oleh Nazmi Yaakub

**K**UALA LUMPUR: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan mencipta Guinness Book of World Records dan The Malaysia Book of Records apabila menganjurkan Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti di DBP bermula 19 hingga 23 Disember ini.

Koordinator Unit Debat Bahasa Melayu UiTM, Noriza Hussin, berkata pihaknya menjangkakan debat yang menggunakan format ala Parlimen ini akan disertai kira-kira 100

pasukan dengan setiap pasukan dianggotai tiga hingga empat pendebat.

"Setakat ini 40 pasukan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini sudah mendaftarkan pasukan dalam debat yang bertujuan memartabatkan penggunaan serta penguasaan bahasa Melayu.

"Kami mengalu-alukan penyertaan daripada kolej universiti, institusi dan maktab perguruan, sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah, selain menerima pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya

pada sidang media Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti di DBP di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengembangan Bahasa Melayu DBP, Othman Ismail.

Noriza berkata, pihaknya turut menyediakan 200 usul untuk diperdebatkan dalam debat yang membabitkan tiga wakil kerajaan dan tiga pembangkang dengan setiap pendebat diberi masa tujuh minit.

"Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti juga tidak mempunyai pemenang atau pihak yang kalah kerana selepas sesi debat akan disam-

## FAKTA NOMBOR

Debat DBP, UiTM

100

Pasukan dijangka menyertai

200

Usul diperdebat

bung dua kumpulan lain secara bergilir-gilir.

"Makanan dan minuman turut disediakan tanpa henti, manakala setiap peserta akan menerima sijil penyertaan yang mengesahkan mereka menyertai program yang mendapat pengesahan Guinness Book of World Records dan The Malaysia Book of Records," katanya.

Sementara itu, Othman berkata, program itu turut diadakan untuk meraikan ulang tahun ke-50 DBP dan UiTM serta turut mendapat kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.